



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

“INSENTIF KHAS UNTUK PELAJAR TAHUN 1”

(INSENTIF KHAS GERAN SEPADAN PERCUMA RM50)

1. **YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia semasa pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016, telah mengumumkan bahawa Kerajaan menyediakan pemberian Insentif Khas Geran Sepadan bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun SSPN-i/ SSPN-i Plus kepada Pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan.**
2. **Bermula 1 Januari 2017, mana-mana ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan untuk anak-anak mereka yang merupakan Pelajar Tahun 1 di sekolah bantuan penuh Kerajaan akan menerima insentif khas iaitu simpanan percuma bernilai RM50.**
3. **Untuk itu, peruntukan sebanyak RM25 juta telah disediakan untuk diberikan secara percuma kepada mereka yang layak. Sehingga 31 Ogos 2017, seramai 31,757 orang (7.23%) daripada Pelajar Tahun 1 telah menerima simpanan percuma ini.**
4. **Ibu bapa hanya perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan sekurang-kurangnya RM50 ke dalam akaun SSPN-i atau SSPN-i Plus pada tahun 2017 untuk melayakkan anak mereka menikmati insentif ini.**
5. **Insentif ini akan dimasukkan ke dalam akaun SSPN-i atau SSPN-i Plus sebagai simpanan tanpa ditolak premium takaful secara automatik pada bulan berikutnya apabila jumlah simpanan mencecah RM50.**
6. **Pelajar Tahun 1 ini hanya layak untuk menerima sekali sahaja insentif RM50 ini walau pun mempunyai lebih daripada satu (1) akaun SSPN-i atau SSPN-i Plus.**

7. Pemberian insentif ini merupakan salah satu bentuk galakan penabungan terutamanya kepada ibu bapa agar memulakan simpanan daripada kecil demi kecemerlangan pendidikan anak-anak pada masa hadapan.
8. Kepada semua ibu bapa Pelajar Tahun 1 yang masih belum membuka akaun atau membuat tambahan simpanan untuk anak-anak segeralah menyimpan dengan SSPN-i/ SSPN-i Plus untuk merebut peluang mendapatkan insentif khas ini dan juga pelbagai lagi keistimewaan dan hadiah menarik yang ditawarkan sehingga hujung tahun ini.

(CABUTAN WOW! 20 TAHUN PTPTN MENAWARKAN HADIAH BERNILAI LEBIH RM500,000)

9. Sempena ulangtahun Ke-20 penubuhan PTPTN, satu peraduan telah dilancarkan oleh PTPTN iaitu **Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN** yang menawarkan hadiah bernilai **RM500,000** kepada lebih **2,500** orang pendeposit **SSPN-i** dan **SSPN-i Plus** yang membuat pembukaan atau penambahan akaun.
10. **Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN** ini merangkumi 2 jenis cabutan iaitu **Cabutan Bulanan** yang menawarkan hadiah utama bernilai **RM10,000** setiap bulan dan **Cabutan Istimewa** yang menawarkan hadiah tempat Pertama dengan nilai **RM100,000**. Ini sebagai **tanda penghargaan dan dorongan kepada masyarakat Malaysia** untuk memulakan budaya penabungan dan menyimpan dengan **PTPTN** yang juga merupakan **Tabung Pendidikan** utama negara.
11. **Cabutan Istimewa** terbuka kepada semua pendeposit **SSPN-i Plus** manakala untuk **Cabutan Bulanan** yang diadakan setiap bulan mulai **Julai** sehingga **Disember** hanya layak kepada ibu bapa pelajar Tahun 1 yang membuka atau membuat penambahan di dalam akaun **SSPN-i** atau **SSPN-i Plus** sahaja.
12. **Tahniah** diucapkan kepada pendeposit bertuah yang berjaya memenangi hadiah **Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN** bagi kategori **Cabutan Bulanan (Ogos 2017)**. Semoga kemenangan ini menjadi inspirasi dan impian kepada ibu bapa yang lain untuk memulakan penabungan dengan **PTPTN**.

(SSPN-i/ SSPN-i PLUS SIMPANAN PENDIDIKAN TERBAIK)

13. **Skim Simpanan Pendidikan Nasional merupakan pelan simpanan pendidikan terbaik yang disediakan untuk rakyat Malaysia.** Skim ini diwujudkan sebagai salah satu fungsi utama PTPTN selain daripada pemberian pinjaman. Selain menyediakan pinjaman kepada penuntut IPT bagi melanjutkan pendidikan, PTPTN juga berperanan dan bertanggungjawab untuk memberi kesedaran serta membantu dalam pembentukan budaya menabung di kalangan masyarakat terutamanya bagi tujuan pendidikan dan memastikan masa depan anak-anak tidak terbeban dengan pelbagai jenis hutang terutamanya yang melibatkan pendidikan. Ini adalah selaras dengan matlamat PTPTN untuk menjadi Institusi kewangan pendidikan yang terulung dan dikenali sebagai **TABUNG PENDIDIKAN.**
14. Selain daripada itu, masyarakat tidak perlu ragu kerana skim ini **berpandukan kepada sistem kewangan yang patuh syariah dan simpanannya dijamin oleh Kerajaan.**
15. Pendeposit turut dilindungi dengan **takaful yang amat murah dan komprehensif.** Ini bagi memastikan perancangan pendidikan anak-anak pada masa hadapan tidak terjejas walaupun sesuatu yang tidak dijangka berlaku kepada ibu bapa/ pendeposit.
16. Kadar **dividen yang diberikan adalah amat kompetitif** berbanding institusi kewangan yang lain. Sehingga kini, **kadar dividen yang diberikan pernah mencecah sehingga 4.25%.**
17. Ibu bapa yang membuat penabungan pula diberikan **pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000 setahun.** Pelepasan taksiran cukai yang diberikan ini membuktikan bahawa ternyata skim simpanan ini amat istimewa. **Kesemua manfaat ini, jika dikira memberi pulangan sehingga 28% kepada pendeposit.**
18. Untuk makluman, **sehingga 31 Ogos 2017,** sebanyak **3.0 juta akaun** dibuka dengan **jumlah deposit simpanan sebanyak RM2.91 bilion.**
19. **Menabunglah sekarang untuk pendidikan masa akan datang** kerana ia adalah jaminan masa depan anak-anak. Layari www.lovespni.com.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
5 Oktober 2017**